




PELAKSANAAN AKTIVITI JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI TAHUN 2019



MAJLIS HI-TEA HOSPIO TEAM BERSAMA PELAJAR JPH



17 Disember 2019

Program ini dilaksanakan untuk memperkenal AJK dan Penasihat Kelab Hospitio kepada pelajar. Disamping itu, pelaksanaan program ini diharap dapat menaikkan lagi nama baik dan kredibiliti Kelab Pelajar Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (Hospitio Team), mewujudkan kemakmuran bersama pelajar, AJK dan pensyarah serta menjalankan pelbagai aktiviti.

PERTANDINGAN WORLD CHEF CHAMPIONSHIP



Pertandingan ini merupakan pertandingan bidang kulinari yang dianjurkan bersama *Culinary Master Association* dan lain-lain badan pertubuhan bagi memperlihatkan dan menonjolkan bakat-bakat dan kemahiran pengamal bidang seni kulinari. Pertandingan ini diharap dapat meningkatkan kebolehan dan kemahiran pelajar Politeknik Merlimau (PMM) melalui pengalaman yang diterima serta dapat membantu pelajar mengaplikasi segala ilmu pengetahuan amali dan teori.

11 - 16 Disember 2019



MAJLIS MAKAN MALAM HAWAIIAN NIGHT




27 September 2019

Penganjuran program seperti ini amat perlu bagi para pelajar untuk mempraktikan segala pembelajaran di dalam bilik kuliah ke sesuatu acara yang sebenar. Penganjuran program seperti ini juga diharapkan dapat membantu menjana idea yang lebih kreatif serta menguji kemampuan fizikal dan mental pelajar dalam persediaan mereka untuk menghadapi cabaran dalam industri pengurusan acara pada masa hadapan.



SIMPOSIUM KEBANGSAAN AMALAN HALAL DALAM INDUSTRI PELANCONGAN DAN HOSPITALITI 2019 (NaSTHalal 2019)



25 September 2019

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) mengambil inisiatif untuk menganjurkan Simposium Kebangsaan Amalan Halal Dalam Industri Pelancongan dan Hospitaliti 2019 (NaSTHalal 2019). Simposium yang diadakan dua tahun sekali ini membawa tema "*Muslim Friendly Hospitality Service: Towards Sustainability in the Industry*". Program ini telah diadakan di Hotel Bayview, Melaka dan telah menarik penyertaan daripada pelbagai pihak.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT LENTERA WANGSA



4 - 6 September 2019


Lentera Wangsa merupakan sebuah program anak angkat berkonsepkan *Corporate Social Responsibility* (CSR). Dianjurkan oleh pelajar Diploma Pengurusan Acara Semester 5. Program ini dilaksanakan di Kampung Simpang Ampat, Alor Gajah, Melaka bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam sesbuah pengurusan acara yang merangkumi pelbagai aspek antaranya merangka konsep, perancangan logistik, teknikal dan sebagainya.

HOUSEKEEPING OPERATION & MANAGEMENT FIELDTRIP



5 September 2019

Program ini dilaksanakan di Doubletree by Hilton Hotel, Melaka. Program lawatan ini adalah langkah awal untuk memberi pengenalan kepada pelajar Diploma Pengurusan Hotel semester 2 yang mengambil kursus *Housekeeping Operation and Management* (DTH2013) mengenai bagaimana operasi Housekeeping dilakukan di hotel dalam konteks pengalaman yang sebenar.




LATIHAN AMALI TRAVEL AGENCY OPERATION (DTM3012)



26 - 27 Ogos 2019

Program ini diadakan di sekitar Ayer Keroh dan di Kemunting Beach Resort. Penganjuran program ini amat perlu bagi para pelajar mempraktikan segala pembelajaran di dalam bilik kuliah ke sesuatu acara yang sebenar. Penganjuran program ini juga diharap dapat membantu menjana idea lebih kreatif serta menguji kemampuan fizikal dan mental pelajar dalam persediaan untuk menghadapi cabaran dalam industri pelancongan pada masa hadapan.

HARI INOVASI JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI



26 Mac 2019

Hari Inovasi Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti merupakan platform untuk para pelajar mempamerkan perkhidmatan dan produk inovasi kepada warga Politeknik, komuniti, agensi kerajaan dan industri yang berkaitan. Program ini juga dapat membantu para pelajar membina jati diri serta ketahanan mental dan emosi terhadap cabaran melalui proses penghasilan produk dan mendokumentasikan laporan akhir.

BENGKEL SENI HIASAN DAN DEKORASI KEK



25 Mac 2019

Bengkel Seni Hiasan dan Dekorasi kek yang dianjurkan oleh Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) mambantu memberi pendedahan mengenai teknik-teknik hiasan kek yang mampu menambah kemahiran baharu para pelajar. Ianya juga merupakan salah satu usaha pihak Politeknik Merlimau memperkasakan para pelajar supaya kemahiran yang diterima ini dapat digunakan oleh para pelajar setelah tamat pengajian kelak.

KARNIVAL JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI



19 Mac 2019

Karnival Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) dengan tema Kembali ke Sekolah merupakan salah satu tugas yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi keperluan kursus Event Operation & Management (DTM5033) yang wajib diambil oleh pelajar Diploma pengurusan Pelancongan semester 3. Tema ini dipilih bagi mengimbau semula keseronokan warga JPH pada zaman persekolahan dahulu.



LAWATAN AKADEMIK KE PULAU BESAR, MELAKA

12 Mac 2019



Lawatan ini dilaksanakan bagi memenuhi keperluan kursus *Sustainable Tourism* (DTM6033). Seramai 42 orang pelajar jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) telah menyertai lawatan ini. Lawatan berbentuk Pendidikan Pelancongan ini telah dikendalikan oleh Ketua Jurulatih luar iaitu En. Kamarudin Bin Ibrahim dan pembantunya daripada Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia. Antara aktiviti menarik yang telah dilakukan adalah menjelajah ke sebahagian kawasan pulau yang melintasi Makam Sultanul Aarifeen, Makam Tujuh Beradik, Batu Belayar, Batu Tengkorak, Tasik Komodo, Batu Belah, resort tinggal dan Muzium Pulau Besar.

GOTONG-ROYONG EKSA JPH



12 Mac 2019

**SEKIAN,
TERIMA KASIH**

